

20/11/2001

Umat Islam Malaysia perlu bersyukur: PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat Malaysia khususnya umat Islam perlu bersyukur dan insaf dengan kesejahteraan hidup yang mereka nikmati sekarang berbanding rakyat negara lain yang tidak bernasib baik.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini hidup aman dan makmur sedangkan ada negara Islam lain yang tidak aman dan tenteram, rakyatnya miskin dan menderita.

Beliau berucap pada majlis Nur Ramadan anjuran Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan di Masjid Saidina Osman Al Affan, Bandar Tun Razak di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, sehubungan itu umat Islam negara ini, walaupun jauh, perlu menghulurkan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik seperti rakyat Afghanistan yang ketika ini menderita akibat serangan Amerika Syarikat yang berusaha memburu pengganas.

"Kita tidak menghalang mereka menangkap dan membunuh pengganas. Tetapi serangan ini juga menyebabkan orang yang tidak bersalah turut terbunuh dan tercedera, manakala sebahagiannya menjadi pelarian di negara jiran serta hidup dalam khemah dalam keadaan tidak sempurna dan menyedihkan.

"Oleh itu, kita yang hidup mewah di negara ini perlu menginsafi keadaan hidup orang yang bermasalah dengan menghulurkan bantuan seperti pakaian, wang ringgit dan makanan terutama kepada pelarian Afghanistan. Perbuatan ini juga satu ibadah yang amat dialu-alukan Islam," katanya.

Pada majlis itu, 1,800 orang kurang bernasib baik di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan menerima sumbangan RM100, lima kilogram beras, sejadah dan kain sarung setiap seorang.

(END)